

KENYATAAN MEDIA

14 DISEMBER 2018

## **Pelarasan Tarif Elektrik Di Semenanjung Malaysia**

### **Bagi Tempoh**

**1 Januari 2019 – 30 Jun 2019**

**Putrajaya, 14 Disember –**

1. Kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 30 Jun 2019. Mekanisme ini merupakan sebahagian daripada kerangka kerja kawal selia berdasarkan insentif (*Incentive-Based Regulation* – IBR) bagi menetapkan dan melaraskan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 2018 hingga 2020.
2. Kerajaan membuat keputusan untuk meneruskan mekanisme IBR dan ICPT yang telus ini bagi memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur dan memastikan kos pembiayaan bagi membangunkan infrastruktur bekalan elektrik tidak meningkat secara mendadak akibat kejutan pasaran (*market shock*) sekiranya mekanisme IBR dan ICPT tidak diguna pakai dalam pelarasan tarif elektrik di Semenanjung. Jika keadaan ini berlaku, kos pembekalan elektrik akan meningkat dan akhirnya perlu dilepaskan kepada pengguna elektrik secara berterusan.
3. Di bawah mekanisme ICPT, kos bahan api dan kos penjanaan elektrik akan disemak setiap 6 bulan dan dilepaskan kepada pengguna elektrik dalam bentuk rebat atau surcaj bergantung kepada penjimatan atau peningkatan kos yang terlibat. Berdasarkan hasil semakan mekanisme ICPT yang dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga bagi tempoh 1 Julai 2018 hingga 31 Disember 2018, berlaku

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

peningkatan dalam kos bahan api dan kos penjanaan lain sebanyak RM1,820 juta iaitu bersamaan dengan 3.43 sen/kilowatt-jam (kWj).

4. Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kos penjanaan dalam mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh tersebut ialah **peningkatan harga purata bahan api arang batu kepada USD97.835/tan metrik**, berbanding harga yang telah diunjurkan dalam tarif asas bagi tempoh kawal selia kedua IBR (*Regulatory Period 2 - RP2 : 2018 hingga 2020*) iaitu USD75/tan metrik. Peningkatan harga bahan api arang batu adalah di luar kawalan Kerajaan kerana ia adalah berasaskan harga pasaran global.
5. Bagi mengurangkan kesan peningkatan surcaj ICPT sebanyak RM1,820 juta atau 3.43 sen/kWj ke atas bil elektrik pengguna, Kerajaan telah mengambil dua pendekatan seperti berikut:
  - (i) menggunakan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik berjumlah RM308 juta khusus untuk menampung surcaj ICPT kepada pengguna domestik; dan
  - (ii) bagi pengguna bukan domestik iaitu pengguna komersial, industri dan lain-lain, sebahagian surcaj ICPT tersebut akan ditampung dengan menggunakan penjimatan daripada pelarasan kos dan hasil TNB di bawah kerangka IBR tahun 2018 yang berjumlah RM564 juta. Oleh itu, hanya baki surcaj ICPT sebanyak RM948 juta yang perlu dilepaskan kepada pengguna bukan domestik.
6. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memutuskan supaya pelaksanaan mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 30 Jun 2019 dilaksanakan seperti berikut:
  - (i) kadar tarif asas adalah kekal pada 39.45 sen/kWj;
  - (ii) tiada surcaj tarif elektrik yang akan dikenakan kepada semua pengguna domestik kerana Kerajaan telah memutuskan untuk menggunakan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik sebanyak RM308 juta untuk meringankan beban rakyat; dan
  - (iii) pelepasan surcaj ICPT sebanyak RM948 juta kepada pengguna bukan domestik dilaksanakan secara berperingkat iaitu:

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

- a) mengekalkan surcaj ICPT semasa sebanyak 1.35 sen/kWj untuk tempoh 1 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019; dan
  - b) bermula pada 1 Mac 2019 hingga 30 Jun 2019, surcaj ICPT ialah 2.55 sen/kWj.
7. Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan pelarasan tarif bagi pengguna komersial dan industri secara berperingkat dengan mengambil kira pandangan pihak industri yang membangkitkan isu bahawa Kerajaan sering kali membuat pengumuman berkenaan pengenaan surcaj tarif elektrik di saat-saat akhir sehingga mengakibatkan syarikat-syarikat menghadapi kesukaran untuk membuat perancangan kewangan yang teratur. Pelaksanaan secara berperingkat ini dijangka akan memberi ruang untuk syarikat membuat perancangan kewangan yang lebih berkesan.
8. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah mengarahkan Tenaga Nasional Berhad untuk menyediakan kalkulator tarif elektrik yang dapat dicapai melalui portal [www.myelectricitybill.my](http://www.myelectricitybill.my). Kalkulator tersebut akan membantu pengguna menganggarkan bil elektrik bulanan mereka bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020 dan membantu pengguna elektrik khususnya pengguna komersial dan industri untuk membuat perancangan kewangan dengan lebih berkesan.
9. Sebagai langkah untuk meminimumkan kesan kenaikan kos penjanaan elektrik, para pengguna digalakkan untuk melaksanakan langkah-langkah menggunakan elektrik dengan cekap. Tips bagi menggunakan elektrik dengan cekap boleh didapati di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad serta aplikasi telefon bimbit **myTNB**.

\*\*\*Tamat\*\*\*

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Syarizman Mansor*

*Unit Komunikasi Korporat*

*Tel: +603-8870 8500/8554/8598/+6013 2183778 (Zairulliati)/+6019 3134543 (Ritz) Faks: +603 8888 8636*

*Emel: [sitisuhaila@st.gov.my](mailto:sitisuhaila@st.gov.my)/[zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)/[ritz@st.gov.my](mailto:ritz@st.gov.my)*

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.